

KUMPULAN CERPEN MELAMAR RINDU, oleh Osman Ayob. 2017. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Hlm 258. ISBN 978-983-62-7184-6

Sebelum memulakan perbahasan tentang kandungan buku ini, pengulas ingin memberikan pengenalan ringkas tentang penulis buku “Kumpulan Cerpen *Melamar Rindu*”. Penerangan ringkas tentang latar belakang penulis dapat membantu dalam memahami dengan lebih mendalam tentang isi kandungan buku ini. Osman Ayob merupakan anak kelahiran negeri Kedah yang kini menetap di negeri kelahirannya itu. Beliau telah menjadikan karyanya sebagai wadah untuk menceritakan kehidupan masyarakat sekeliling dengan gaya bahasa yang menarik malah beliau cuba memasukkan unsur dakwah dalam penulisannya menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Kumpulan cerpen ini telah dicetak pertama kalinya pada tahun 2001 dan kini telah dicetak semula pada tahun 2017 yang mengumpulkan 18 buah cerpen seperti Pertemuan di Yala, Melamar Rindu, Kera oh Kera, Sekadar Kunjungan, Wan, Gangguan, Doanya Termakbul, Menimba Penawar, Cucu Seorang, Seorang Telefonis, Khabar dari Bapa, Minyak Senyonyong, Tok Din, Serpihan Nostalgia, Kampung Kami, Kampung Budaya Pusaka, Habit, Pangkalan Batu dan Riak Kabus Danau Maninjau yang masing-masing membawa pelbagai persoalan dalam kehidupan manusia sejagat.

Kumpulan cerpen *Melamar Rindu* mengumpulkan lapan belas buah cerpen jelas berjaya memaparkan pelbagai persoalan seperti pertemuan dan perpisahan, kasih sayang, kerinduan, pembangunan, pertentangan di antara dua generasi dan perjuangan mempertahankan warisan bangsa. Kumpulan cerpen ini turut memperlihatkan keupayaan penulisnya Osman Ayob mencipta dan mengetengahkan isu-isu semasa daripada pengalaman hidup yang dirasai oleh individu dan masyarakat sehingga menjadi cerpen yang menarik dengan keindahan bahasanya dan pada masa yang sama dapat memperkaya minda pembacanya. Selain itu, pengulas juga dapat mengenal pasti persoalan keagamaan yang berjaya dirungkaikan dengan baik oleh penulis dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* kerana menekankan elemen dakwah Islamiah melalui cerpen Gangguan, cerpen Doanya Termakbul dan cerpen Menimba Penawar. Justeru, suka pengulas membicarakan tiga cerpen tersebut secara terperinci melalui teori Pengkaedahan Melayu yang bersesuaian dengan sastera Melayu untuk melihat kehidupan masyarakat Melayu berdasarkan aspek akidah dan ibadatnya.

Cerpen pertama yang dipilih ialah *Gangguan* yang mengisahkan seorang lelaki yang telah berusia lima puluh enam tahun tetapi belum mendapat hidayah daripada Allah SWT. Usia yang lanjut masih tidak mampu memberikan kesedaran dalam jiwa Maulud untuk mendirikan solat yang sudah diketahui bahawa solat ialah tiang agama. Justeru, sahabatnya, Wahab telah menyamar sebagai seorang pemanggil tidak dikenali yang tanpa jemu berdakwah kepadanya agar bangun mendirikan solat melalui panggilan telefon pada waktu subuh. Wahab terus menerus mengingati dan menasihati Maulud tentang kewajipan menuaikan solat dan tentang ajal yang akan datang menyapa pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira usia. Walau bagaimanapun, Maulud tetap tidak mengendahkan nasihat tersebut malah semakin berang dengan gangguan yang diterimanya setiap hari. Namun, keinsafan akhirnya mengetuk pintu hati Maulud apabila dia mendapat berita kematian Wahab setelah diberitahu oleh Baharum bahawa orang yang mengganggunya dengan panggilan telefon pada setiap kali waktu subuh ialah Wahab iaitu sahabatnya sendiri yang dikenali lebih daripada sepuluh tahun.

Cerpen kedua yang memaparkan elemen dakwah Islamiah ialah cerpen *Doanya Termakbul*. Cerpen ini mengisahkan usaha seorang anak muda, iaitu Azman yang merupakan seorang pelajar di sebuah sekolah agama yang berdoa dan memohon bantuan Allah SWT agar beliau

dapat menghentikan perbuatan masyarakat daripada mempercayai perkara karut dan khurafat. Perkara karut dan khurafat yang berlaku di depan matanya ialah masyarakat termasuk kedua ibu bapanya yang mempercayai bahawa ikan puyu peliharaan mereka memiliki kuasa ajaib kerana yakin bahawa air di dalam akuarium ikan puyu tersebut mustajab sebagai penawar dan penerang hati. Kisah ini berakhir apabila kedua-dua adik Azman, iaitu Mazlan dan Haris secara tidak sengaja telah memberi ikan tersebut makan belalang beracun sehingga menyebabkan kematian ikan puyu tersebut.

Seterusnya, cerpen ketiga yang memaparkan elemen dakwah Islamiah ialah *Menimba Penawar*. Cerpen ini mengisahkan tentang penemuan mata air di petak sawah milik Din Lahadi pada musim kemarau yang kering kontang. Segala-galanya berpunca daripada Hamad Broker yang telah membawa cerita sehingga tersebar ke merata ceruk desa, pekan dan kota tentang keajaiban mata air tersebut. Akibatnya, semua yang berkunjung ke situ pasti membawa bekas untuk mengisi air yang kononnya boleh menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Din Lahadi amat tidak senang dengan keadaan itu dan sukar baginya untuk mempercayai sesuatu yang karut-marut malahan perkara tersebut bercanggah dengan ajaran Islam yang suci dan mulia. Berkat usaha Din Lahadi dan sahabatnya Maarof Long Seman yang mencadangkan agar solat hajat memohon hujan dilakukan di masjid bersama para jemaah. Akhirnya hujan turun dengan lebat. Hujan lebat telah membasahi bumi yang gersang tersebut sekali gus menenggelamkan mata air di petak sawah milik Din Lahadi dan berjaya menghentikan amalan mungkar masyarakat yang mempercayai keajaiban mata air tersebut.

Persoalan keagamaan dalam tiga cerpen tersebut amat bersesuaian dikupas melalui teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang, iaitu seorang sarjana dan pengkritik yang terkenal di tanah air. Teori ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 atas beberapa sebab seperti kekurangan tertentu pada teori-teori kritikan yang diimport dari Barat apabila kritikan sastera Melayu berasaskan teori sastera Barat sebagai berat sebelah dan kurang sesuai dalam menginterpretasi teks kesusasteraan Melayu yang berteraskan kepada jati diri bangsa Melayu dan Islam. Justeru, Hashim Awang mengetengahkan dua pengkaedahan, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Teori ini dianggap amat bermakna dan bersesuaian untuk menganalisis karya sastera Melayu. Pengkaedahan Alamiah bererti merujuk secara langsung kepada faktor alam yang menjadi latar kehidupan masyarakat Melayu untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang menjanjikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran, dan kebajikan. Oleh itu, pengkaedahan Alamiah ini berteraskan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya yang melibatkan tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, dan Pendekatan Firasat, manakala Pengkaedahan Keagamaan pula didefinisikan sebagai pendekatan yang berlandaskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersandarkan kepada akidah Islamiah. Bahan rujukan utamanya ialah al-Quran dan hadis, dan pembentukannya bertujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan Keagamaan dipecahkan kepada tiga pecahan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Menurut Hashim Awang., Pengkaedahan Keagamaan yang dimaksudkan ialah pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Melalui Pengkaedahan Keagamaan, sastera dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketiaatan seseorang insan kepada Allah. Pendekatan Dakwah pula berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui penerapan nilai-nilai murni dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan. Tambahan pula, paparan konflik dan permasalahan serta pergolakan masyarakat dalam karya juga akan memberikan keindahan,

makna kesenian dan kebaikan. Nilai keindahan dan kemaknaan dalam setiap karya khususnya kesusasteraan yang berunsur Islam akan memancarkan keagungan Allah SWT.

Pengulas mendapati bahawa terdapat tiga buah cerpen dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* secara jelas dan nyata mempamerkan elemen dakwah Islamiah iaitu cerpen Gangguan, cerpen Doanya Termakbul dan cerpen Menimba Penawar. Pengkaedahan Keagamaan yang digunakan membawa kepada daptan kajian tentang hubungan antara masyarakat Melayu-Islam dengan agama dan kepercayaannya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan hujah-hujah yang berikut:

1. Manusia dengan agama

Pengulas mendapati Osman Ayob menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu* telah berjaya menggambarkan dengan jelas bahawa agama merupakan teras kehidupan manusia. Agama yang dimaksudkan ialah *keimanan kepada Allah SWT* yang dibuktikan melalui amal ibadat ikhlas kerana-Nya. Masyarakat dalam ketiga-tiga cerpen terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah mereka yang memiliki keimanan teguh terhadap kekuasaan Allah SWT dan golongan kedua ialah mereka yang lemah iman. Justeru, beliau telah memaparkan elemen dakwah Islamiah yang dilakukan oleh manusia untuk memperkasa agamanya.

Pengulas juga mendapati bahawa elemen dakwah Islamiah telah dipaparkan dengan terang dan nyata menerusi cerpen Gangguan apabila penulis telah memaparkan elemen dakwah dalam Islam menerusi cerpen ini dengan menggambarkan watak Wahab yang tidak berputus asa berdakwah kepada Maulud melalui panggilan telefon. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata Wahab ketika membuat panggilan misteri terhadap Maulud dengan berkata; “saudara tidak dengar azan tadi? Jika tidak, ketahuilah saudara sedang berada pada waktu subuh sekarang. Ayuh, jangan buang masa lagi. Dirikanlah sembahyang subuh sekarang. Mohonlah keampunan Allah atas segala dosa yang telah saudara lakukan. Sedarlah kematian itu boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Percayalah, saudara sesungguhnya sedang menghampiri detik itu.” (Gangguan, hlmn 79) Jelas bahawa tindakan Wahab itu memperlihatkan sifat ingat-mengingati serta nasihat-menasihati akan kebenaran sangat dituntut oleh Islam seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ashr, ayat 1-3 yang bermaksud; “*Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran*”.

Oleh itu, agama sememangnya tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Tindakan manusia mengingkari perintah agama mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti cetepek pengetahuan dan kurang didikan agama namun, untuk menidakkannya dan menafikannya sepenuhnya dorongan dan rasa keagamaan nampaknya sukar dilakukan. Hal ini kerana, manusia memiliki unsur batin yang cenderung mendorongnya untuk tunduk pada zat yang ghaib. Agama sebagai fitrah manusia telah dinyatakan dalam al-Quran. Fitrah manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT ialah manusia dicipta dengan mempunyai naluri beragama iaitu agama tauhid seperti firman Allah dalam surah ar-Rum, ayat 31 yang bermaksud; “hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertakwalah kamu kepada-Nya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik”. Berdasarkan hujah-hujah di atas, maka dapat disimpulkan bahawa hubungan manusia dengan agama merupakan satu perkaitan yang tidak mungkin dapat dipisahkan. Namun demikian, hubungan yang kuat ini kadang-kala

menjadi lemah. Oleh itu, kegiatan dakwah perlu dijalankan agar manusia kembali sedar dan tidak hanyut dalam menjalani hidup yang tersasar jauh dari landasan agama.

2. Perbezaan Pandangan Agama Kaum Muda-Kaum Tua

Perbezaan pandangan dan pendapat suatu yang lumrah dalam kehidupan manusia. Tidak dinafikan bahawa perbezaan ini ialah natijah kepada kepelbagaiannya manusia dari sudut pendidikan, pemikiran, adat dan alam sekeliling. Pengulas mendapati bahawa Osman Ayob telah menunjukkan kreativitinya dalam membandingkan perbezaan pandangan agama antara Kaum Muda dan Kaum Tua menerusi cerpen Doanya Termakbul dan cerpen Menimba Penawar. Menerusi cerpen Doanya Termakbul, beliau telah menggambarkan Kaum Muda sebagai kaum yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan memiliki akidah yang teguh dengan menjauhi perkara bidaah. Perkara ini dapat dilihat menerusi watak Azman, seorang pelajar sekolah agama yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dan menjaga akidahnya dengan baik manakala Kaum Tua diwakili oleh ibu bapanya yang mengambil mudah soal akidah. Bukti ini dapat dilihat daripada kata-kata ibunya; “semua yang datang ke rumah kita dengan niat yang baik. Mereka yang mahukan air itu. Apa salahnya kita memenuhi kehendak mereka.”(Doanya Termakbul, hlmn 97)

Walau bagaimanapun, didapati penulis telah melakukan inversi pada pandangan agama bagi Kaum Tua dan Kaum Muda dalam cerpen Menimba Penawar. Hal ini kerana, Kaum Tua telah digambarkan sebagai golongan yang menitikberatkan soal akidah dan ajaran Islam yang suci berbeza dengan cerpen Doanya Termakbul. Hal ini dipaparkan menerusi watak Din Lahadi dan sahabatnya Maarof Long Seman yang berusaha membanteras kegiatan masyarakat mengambil air di mata air yang kononnya ajaib dan dianggap sebagai penawar yang mujarab. Din Lahadi sangat tidak senang dengan ketaasuhan masyarakat terhadap perigi ganjil tersebut dan perkara ini dipamerkan menerusi kata-katanya “imam tentu lebih maklum, Islam melarang penganutnya melakukan perkara seperti itu kerana ia boleh merosakkan akidah. Jadi, kita mesti mencari jalan untuk menghalang daripada merebak kerana akibatnya juga boleh mencemarkan martabat agama”. (Menimba Penawar: 115) Adapun Kaum Muda yang diwakili oleh Imam Marzuki digambarkan sebagai seorang yang tidak peka dan tidak prihatin terhadap isu akidah masyarakat sekelilingnya malah mengambil mudah. Perkara ini telah dinyatakan oleh penulis bahawa Din Lahadi kesal kerana masyarakat setempat terutamanya imam dan ketua kampung seakan memejamkan mata sedangkan mereka tahu bahawa tingkah laku dan perbuatan orang-orang yang mengunjungi tempat itu sudah menyimpang dan bercanggah dengan ajaran Islam. (hlm. 114)

Perbezaan pandangan berkaitan akidah merupakan barah yang menjelaskan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Perbezaan sebegini akan melahirkan konflik yang akhirnya membawa kepada perpecahan yang lebih dahsyat dalam masyarakat. Lantaran itu, perbezaan pandangan ini tidak seharusnya menjadikan manusia saling kecam-mengecam antara satu sama lain sebaliknya manusia perlu menghormati orang lain dan melakukan dakwah agar pihak yang menyimpang daripada ajaran Islam kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Allah SWT telah menjelaskan bahawa walaupun perbezaan itu berlaku dan berterusan akan tetapi manusia yang Allah SWT rahmani ialah yang tidak berselisihan dan tidak pula berpecahbelah. Firman-Nya dalam Surah Hud, ayat 118-119 yang bermaksud: *"dan kalaullah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu (tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah);* Oleh hal demikian, perbezaan pandangan agama antara Kaum Tua dan Kaum

Muda tidak seharusnya dijadikan punca pergolakan dan percaduhan sebaliknya perbezaan ini seharusnya dibincangkan agar menghasilkan kesan positif dalam jiwa masyarakat Islam. Tambahan pula, perbezaan pandangan agama ini seharusnya menjadi sebab perlunya usaha dakwah Islamiah sesama manusia agar saling ingat-mengingati dan nasihat-menasihati ke arah kebenaran.

3. Manusia dengan Kepercayaan Khurafat.

Khurafat dalam Islam ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang-larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam. Berdasarkan definisi tersebut jelaslah bahawa khurafat merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut dan dusta. Antara faktor-faktor yang mendorong berlakunya khurafat ialah mudah mempercayai benda-benda tahuyl, kecetekan ilmu agama dan terpengaruh dengan kelebihan seseorang atau sesuatu benda yang boleh ditangani dengan mendalami ilmu agama sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "*Aku telah tinggalkan kepada kamu dua perkara selama mana kamu berpegang teguh dengannya, tidak akan sesat selama-lamanya iaitu al-Quran dan sunnahku*".

Kepercayaan masyarakat terhadap amalan khurafat jelas ditunjukkan oleh Osman Ayob dalam cerpen Doanya Termakbul apabila digambarkan bahawa tindakan masyarakat Kampung Buluh Sebatang tidak putus-putus datang melihat seekor ikan puyu ajaib yang kononnya terdapat kalimah *Allah* dan *Muhammad* dalam bahasa Arab pada badannya dengan perasaan yang hairan dan sangat takjub. (hlm 91). Malah mereka turut percaya bahawa air di dalam akuarium tersebut mustajab sebagai penawar dan penerang hati. (hlm. 97) Bukan itu sahaja, amalan khurafat juga dapat dilihat dalam cerpen Menimba Penawar. Akibat kemarau yang berpanjangan, masyarakat telah mempercayai keajaiban mata air yang terdapat di petak sawah milik Din Lahadi. Masyarakat iaitu penduduk Kampung Pulai Sebatang percaya bahawa air ajaib yang terbit daripada mata air dalam lopak yang sudah menjadi perigi kecil dapat menyembuhkan segala jenis penyakit, selain menjadi penawar dan penerang hati bagi sesiapa yang meminumnya. (hlm. 111)

Tidak dapat disangkal lagi bahawa amalan khurafat bertentangan dengan akidah Islam. Agama Islam melarang penganutnya mencampakkan diri ke dalam lembah amalan khurafat dengan sekeras-keras larangan. Hal ini, kerana amalan khurafat akan merosakkan iman dan menyebabkan syirik kepada Allah SWT dan perlu diingatkan bahawa dosa syirik tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Larangan ini ditegaskan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa syirik memperseketukan-Nya (dengan sesuatu apa juga), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya), dan sesiapa yang memperseketukan Allah SWT (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa besar.* Surah al-Nisa', ayat 48.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, maka dapat disimpulkan bahawa terdapat golongan masyarakat tidak memiliki akidah yang teguh lagi mantap sehingga menyebabkan mereka terjebak dalam perkara tahuyl dan khurafat. Amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam ini sukar dihapuskan dengan mudah kerana ceteknya pengetahuan agama dan kurangnya didikan agama dalam masyarakat. Oleh itu, pendekatan dakwah menjadi medium yang terbaik bagi memulihkan masyarakat yang terpesong daripada cara hidup Islam yang sebenar.

Kumpulan cerpen Melamar Rindu sebagai dokumen dakwah Islamiah

Dakwah merupakan istilah yang khusus dalam agama Islam. Ia merupakan satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap Muslim yang mempunyai kemampuan dalam sebarang bentuk dan dalam setiap kesempatan. Dakwah merupakan tugas para Rasul dan perintah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang merupakan juru dakwah pertama semenjak agama Islam diturunkan. Terdapat banyak perintah Allah SWT yang ditujukan kepada Rasulullah SAW supaya melaksanakan tugas tersebut seperti firman Allah dalam surah al-Haj, ayat ke 67 yang bermaksud: “dan serulah ia kepada tuhan engkau, sesungguhnya engkau di atas petunjuk yang lurus”. Dakwah merupakan perlaksanaan terhadap perintah Allah, iaitu menyeru manusia ke arah ajaran Islam yang meliputi persoalan akidah, ibadat dan juga akhlak. Dakwah merupakan satu usaha untuk mengajar kebenaran kepada mereka yang lalai, membawa berita baik tentang nikmat dunia dan nikmat syurga, memberi amaran tentang balasan neraka di akhirat dan kesengsaraannya. Melaksanakan tugas dakwah merupakan puncak kebaikan dan kebahagiaan seperti firman Allah dalam surah al-Fussilat, ayat 33 yang bermaksud, “*Siapakah yang lebih baik pertuturnya daripada mereka yang menggunakan untuk menyeru manusia ke jalan Allah SWT, mengerjakan amal soleh dan berkata; “sesungguhnya aku termasuk salah seorang daripada kaum Muslimin”.*” Terdapat beberapa syarat yang digariskan oleh al-Quran bagi konsep dakwah Islamiah seperti firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, ayat 125 yang bermaksud: “*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”*”

Bertitik tolak daripada dalil ayat al-Quran di atas maka dapat dirumuskan bahawa kumpulan cerpen *Melamar Rindu* menerusi tiga buah cerpen pilihan yang dianalisis adalah wajar diangkat sebagai dokumen dakwah Islamiah. Hal ini kerana, kumpulan cerpen ini telah menepati konsep dakwah yang digariskan dalam al-Quran. Menerusi watak Wahab dalam cerpen Gangguan, watak Azman dalam cerpen Doanya Termakbul dan watak Din Lahadi dalam cerpen Menimba Penawar ketiga-tiganya telah menyebarkan dakwah dengan penuh hikmah, bijaksana dan berbahas dengan cara yang baik. Ketiga-tiga watak ini tidak menunjukkan sikap terburu-buru dalam berdakwah malah bersabar dalam menyampaikan dakwah Islamiah baik dari segi lisan maupun perbuatan. Tuntasnya, Osman Ayob telah berjaya menggunakan mata penanya untuk menjalankan tanggungjawab dakwah Islamiah melalui penulisan dan perkara ini jelas dipaparkan melalui tiga buah cerpen dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Hakikatnya, melalui hasil penulisannya, para pembaca dapat mengetahui niat Osman Ayob yang ingin berdakwah secara tidak langsung melalui penulisannya.

Secara keseluruhan, pengulas menyimpulkan bahawa Osman Ayob berjaya menghasilkan sebuah karya yang mempunyai elemen dakwah Islamiah dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* menerusi tiga buah cerpen iaitu cerpen Gangguan, cerpen Doanya Termakbul dan, cerpen Menimba Penawar. Seterusnya membicarakan tentang hubungan masyarakat Melayu-Islam dengan agama dan kepercayaan melalui tiga hujah utama iaitu manusia dengan agama, perbezaan pandangan agama Kaum Muda-Kaum Tua dan manusia dengan kepercayaan khurafat dan akhirnya karya ini jelas menepati status dokumen dakwah seperti yang digariskan dalam konsep dakwah menurut al-Quran dapat dicapai dengan merujuk kepada surah an-Nahl ayat 125. Umumnya, kreativiti Osman Ayob dalam kumpul cerpen *Melamar Rindu* memang berat dan wajar diulas dan dikaji dengan lebih teliti dan mendalam dengan menggunakan kerangka teori tertentu. Justeru, sewajarnya pembacaan dan pengkajian yang lebih teliti dilaksanakan oleh pihak lain dengan mengaplikasikan teori atau pendekatan lain

seperti Teori Sosiologi dalam mengkaji tentang struktur sosial dan proses sosial masyarakat atau menggunakan Teori Strukturalisme yang menitikberatkan perkara-perkara dalam yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks termasuklah tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan. Hal ini secara tidak langsung akan memberi makna baharu terhadap kumpulan cerpen *Melamar Rindu* dan dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dalam usaha memartabatkan sastera Melayu.

Puan Hadijah Johari

Pensyarah Pusat Pengajian Umum,

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

05300 Kuala Ketil, Kedah